

**SULIT**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**JABATAN PENGAJIAN AM**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

**SESI 2 : 2016/ 2017**

**BUA 1022: HUBUNGAN ETNIK**

**TARIKH : 15 JUN 2017**

**MASA : 9.00 AM – 11.00 AM (2 JAM)**

---

Kertas ini mengandungi **TIGA BELAS (13)** halaman bercetak.

Bahagian A : Objektif (30 soalan)

Bahagian B : Struktur (1 soalan)

Bahagian C : Esei (1 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

**SULIT**

**BAHAGIAN A : 60 MARKAH****ARAHAN :**

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

CLO 1  
C1

1. Asas penting dalam penentuan identiti sesuatu kumpulan etnik ialah kesamaan...

- A. nilai.
- B. agama.
- C. budaya.
- D. biologi.

CLO 1  
C1

2. Konsep T mengkategorikan manusia kepada kelompok berasaskan ciri-ciri biologi dan fizikal. Apakah konsep T berkenaan?

- A. Ras.
- B. Suku.
- C. Etnik.
- D. Bangsa.

CLO 1  
C2

Soalan 3 berdasarkan pernyataan di bawah.

- Etnik Y tidak dibenarkan berada dalam kumpulan tugas yang sama dengan etnik Z.
- Etnik Z tidak dibenarkan menggunakan makmal komputer yang sama dengan etnik Y.

3. Apakah konsep yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A. Etnosentrik.
- B. Rasisme.
- C. Etnisiti.
- D. Ras.

CLO 1  
C2

4. Budaya mempunyai ciri-ciri keistimewaannya yang tersendiri, iaitu...

- i. diamalkan secara lahiriah.
- ii. sentiasa dihayati secara berkumpulan.
- iii. mudah dipelajari dan bersifat mengikut etnik.
- iv. mengalami perubahan dan sentiasa berkembang.

- A. i dan ii.
- B. i, ii dan iii.
- C. i, ii dan iv.
- D. i, iii dan iv.

CLO 1  
C2

5. Jelaskan kepentingan pembinaan bangsa dalam konteks masyarakat majmuk.

- A. Mengikat ahli masyarakat melalui ciri-ciri kebudayaan dan aspirasi yang sama.
- B. Memberi garis panduan bertingkah laku melalui nilai dan norma kepada ahli masyarakat.
- C. Menyedia sistem set interaksi yang baik kepada ahli masyarakat melalui cara berfikir dan bertindak.
- D. Mengukur set penilaian untuk menjadi rujukan melalui persamaan pegangan dan ideologi kepada ahli masyarakat.

CLO 1  
C2

6. Pilih pernyataan yang **TEPAT** menggambarkan proses asimilasi.

- A. Kelompok minoriti terpaksa menerima budaya kelompok majoriti.
- B. Kelompok minoriti mengambil budaya kelompok majoriti secara menyeluruh.
- C. Kelompok majoriti menerapkan secara mendadak ciri budaya kepada kelompok minoriti.
- D. Kelompok minoriti menerima serta mengamalkan secara beransur-ansur adat resam dan sikap budaya kelompok majoriti.

CLO 1  
C2

7. Integrasi merupakan proses mewujudkan identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik. Integrasi budaya merujuk kepada...

- A. penyatuan rakyat melalui program satu murid satu sukan.
- B. usaha yang melibatkan pembentukan satu budaya kebangsaan.
- C. penyatuan rakyat melalui kerjasama dan perkongsian kuasa pentadbiran.
- D. pembentukan satu sistem pendidikan yang bercorak kebangsaan dan sempurna.

CLO 2  
C1

8. Bagaimanakah wujudnya masyarakat pluralistik di Malaysia?

- A. Penjajahan Barat ke atas Tanah Melayu.
- B. Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.
- C. Akomodasi pedagang luar dan orang tempatan.
- D. Era Hinduisme dan Buddhisme di Alam Melayu.

CLO 2  
C2

9. Apakah ciri-ciri imperialisme dan kolonialisme Barat dalam melaksanakan dasar penjajahan mereka?

- i. Memajukan negara yang dijajah.
- ii. Menguasai kekayaan negara yang dijajah.
- iii. Memastikan penduduk tempatan mendapat pendidikan sebaik mungkin.
- iv. Memperkenalkan aspek sosio-politik dan agama mereka kepada penduduk tempatan.

- A. i dan ii.
- B. i dan iii.
- C. ii dan iv.
- D. iii dan iv.

CLO 2  
C2

10. Kedatangan penjajah Barat ke Alam Melayu sekitar abad ke-15 adalah disebabkan oleh faktor berikut **KECUALI**...

- A. memperkenalkan undang-undang sivil.
- B. ingin menyebarkan agama Kristian.
- C. menguasai perdagangan rempah.
- D. mencari tanah jajahan baru.

CLO 2  
C3

11. Pernyataan yang manakah menggambarkan Kesultanan Melaka telah mengalami interaksi yang aktif dalam hubungan etnik?

- i. Lahir komuniti Baba dan Nyonya.
- ii. Terdapat lebih 80 bahasa digunakan di Melaka.
- iii. Melaka mendapat gelaran "*Venice of The East*".
- iv. Terdapat pegawai istana dalam kalangan etnik India dan Arab.

- A. i dan iii.
- B. i, iii dan iv.
- C. i, ii dan iv.
- D. i, iii dan iv.

CLO 2  
C3

12. Apakah rasional pemerintahan Zaman Kesultanan Melayu Melaka mengambil pendekatan bersifat terbuka dalam pentadbirannya?

- A. Memupuk semangat cintakan budaya tempatan.
- B. Menggalakkan migrasi penduduk dunia ke Melaka.
- C. Menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar.
- D. Membolehkan orang bukan Melayu memegang jawatan dalam pentadbiran.

CLO 2  
C3

13. Kenal pasti ciri-ciri kepimpinan Kesultanan Melayu Melaka yang digunapakai oleh kerajaan Malaysia sehingga kini.

- i. Islam sebagai agama rasmi.
- ii. Raja sebagai ketua negeri.
- iii. Bahasa utama ialah Bahasa Melayu.
- iv. Wujud Perlembagaan rasmi bertulis.

- A. i, ii dan iii.
- B. i, ii dan iv.
- C. ii, iii dan iv.
- D. i, ii, iii dan iv.

CLO 2  
C3

14. Apakah rasional Malaysia mengambil pendekatan pluraliti budaya sedangkan kita adalah masyarakat '*multiracial*' dan '*multiculture*'?

- A. Memupuk semangat cinta akan budaya sendiri.
- B. Memenuhi matlamat Kebudayaan Kebangsaan.
- C. Mengekalkan warisan silam untuk tatapan generasi muda.
- D. Menghebahkan kepada dunia keunikan dan kestabilannya.

CLO 3  
C1

15. Manakah antara berikut merujuk kepada maksud Perlembagaan Negara?

- A. Dokumen yang mengandungi semua undang-undang tertinggi bagi setiap negeri di Malaysia.
- B. Dokumen yang mengandungi peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- C. Dokumen yang mengandungi undang-undang tertinggi negara yang tidak boleh digubal semula atau dipinda.
- D. Dokumen yang mengandungi undang-undang tertinggi yang berfungsi sebagai panduan kepada segala urusan pentadbiran negara.

CLO 3  
C2

16. Manakah antara pernyataan berikut **TIDAK BENAR** mengenai ketinggian Perlembagaan Persekutuan?

- A. Perlembagaan tidak boleh diubah sama sekali.
- B. Parlimen memperoleh kuasa daripada Perlembagaan.
- C. Yang di-Pertuan Agong memerintah berdasarkan Perlembagaan.
- D. Kuasa perundangan juga tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan.

CLO 3  
C3

17. Berikan nilai yang wujud dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan sehingga diterima baik oleh orang Melayu dan bukan Melayu?

- A. Keadilan bersama.
- B. Toleransi yang tinggi.
- C. Hubungan setia kawan.
- D. Persamaan nilai kemanusiaan.

Soalan 18 dan 19 berdasarkan pernyataan yang diberikan.

**Kes 1:** Sultan bagi negeri Z didapati bersalah atas kesalahan penyalahgunaan kuasa yang menyebabkan dijatuhkan hukuman buang negeri dan dilucutkan jawatan.

CLO 3  
C3

18. Apakah yang dapat disimpulkan berkaitan Perlembagaan Malaysia daripada kes di atas?

- A. Terdapat peruntukan khas dalam Perlembagaan Malaysia.
- B. Sultan tertakluk di bawah undang-undang jenayah Malaysia.
- C. Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan.
- D. Yang Dipertuan Agong dan sultan turut tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan.

CLO 3  
C3

19.

Jokoyo Putra Sandoyono dilahirkan pada tahun 1959 di Indonesia. Dia beragama Islam dan fasih berbahasa Melayu. Dari segi amalan harian, dia mengamalkan sepenuhnya adat dan budaya Melayu.

Mengikut peruntukan yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan 1948, adakah Jokoyo Putra Sandoyono boleh diiktiraf sebagai warganegara Persekutuan Tanah Melayu?

- A. Tidak, dia berketurunan Melayu Filipina.
- B. Ya, dia penganut agama Islam dan mengamalkan cara hidup Melayu.
- C. Tidak, dia tidak dilahirkan sebelum Hari Merdeka di Persekutuan Tanah Melayu atau Singapura.
- D. Ya, dia fasih berbahasa Melayu, mengamalkan adat Melayu dan Indonesia merupakan negara rumpun Melayu.

CLO 3  
C3

20. Akibat daripada siri-siri penentangan oleh kaum Melayu, rancangan penubuhan Malayan Union terpaksa dibatalkan. Namun, cadangan penubuhan Malayan Union telah memberi kesan yang penting kepada masyarakat Melayu seperti berikut, **KECUALI...**

- A. Bersikap terbuka untuk menerima kemasukan warga asing sebagai warganegara.
- B. Meningkatnya taraf perpaduan dalam kalangan masyarakat Melayu.
- C. Tertubuhnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).
- D. Meningkatnya kesedaran untuk memerintah negara sendiri.

CLO 3  
C3

21. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua orang adalah sama di sisi undang-undang. Apakah kesan yang mungkin berlaku sekiranya sistem tersebut **TIDAK** diamalkan secara telus?

- A. Pengurangan kegiatan jenayah dalam masyarakat.
- B. Peningkatan kadar pengangguran dan miskin tegar.
- C. Keamanan dan keharmonian kaum dapat dipelihara.
- D. Permusuhan dan dendam berleluasa dalam masyarakat.



CLO 3  
C1

22. Apakah matlamat dan sasaran pembangunan politik di Malaysia?

- A. Membina negara bangsa.
- B. Mewujudkan negara demokrasi.
- C. Menjadikan sebuah negara maju.
- D. Melahirkan negara yang harmoni.

Soalan 23 berdasarkan maklumat di bawah.

Konsep P	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu ditanam di dalam jiwa setiap rakyat demi keutuhan negara.</li> <li>• Perlu dihayati melalui perlambangan seperti Jalur Gemilang, Lagu Kebangsaan dan Rukun Negara</li> </ul>
----------	---

CLO 3  
C2

23. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep P?

- A. Kekitaan.
- B. Kebangsaan.
- C. Kenegaraan.
- D. Kesepaduan.

CLO 3  
C2

24. Mengapakah parti-parti politik di Malaysia yang bergerak di atas landasan perkauman mengambil pendekatan bermuafakat sehingga membentuk gabungan politik?

- A. Mengelakkan tekanan daripada parti politik yang didominasi oleh kaum dominan.
- B. Mengawal tuntutan politik kaum minoriti agar tidak menggugat kepentingan kaum dominan.
- C. Menyelamatkan kaum minoriti daripada menjadi mangsa penindasan politik kaum dominan.
- D. Menyedari bahawa tidak mungkin bagi satu-satu kaum mendominasi kuasa dan memerintah di negara ini.

CLO 3  
C3

25. Unsur penting yang perlu diambil kira dalam usaha mewujudkan perpaduan kaum di Malaysia ialah...

- i.keutuhan ekonomi yang menjamin kestabilan hidup masyarakat.
- ii.ajaran agama menjadi panduan dalam mewujudkan perpaduan.
- iii.keazaman politik perkauman oleh para pemimpin negara.
- iv.menjayakan wawasan yang dikongsi bersama.

- A. i, ii dan iii.
- B. i, ii dan iv.
- C. i, iii dan iv.
- D. ii, iii dan iv.

CLO 3  
C3

26. Strategi kerajaan bagi menghadapi cabaran ekonomi global adalah dengan mengamalkan perkongsian bijak. Antara berikut yang manakah **TIDAK BENAR** menerangkan konsep perkongsian bijak ini?

- A. Gabungan modal, pengalaman dan kemahiran antara bumiputera dengan bukan bumiputera untuk bersaing di arena global.
- B. Perkongsian modal dan keuntungan antara pihak kerajaan dengan swasta dalam membina prasarana seperti lebuh raya di Malaysia.
- C. Penawaran saham-saham terbitan awam sebagai suatu cara kerajaan mengagihkan kekayaan negara untuk dinikmati bersama oleh rakyat.
- D. Gabungan pelbagai parti politik di Malaysia dalam suatu pakatan dengan memperjuangkan cita-cita yang sama demi kemajuan negara.

CLO 3  
C3

27. Berikut merupakan langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan import barangan industri, **KECUALI**...

- A. memansuhkan duti import dan duti kastam.
- B. meningkatkan pengeluaran produk tempatan.
- C. menyediakan kemudahan pembiayaan kredit.
- D. meningkatkan peluang pasaran produk tempatan.

- £
- CLO 3  
C3
28. Bagaimanakah jurang pembangunan ekonomi antara wilayah di Malaysia dapat dikurangkan?
- A. Memajukan wilayah yang kurang membangun.
  - B. Menyediakan perkhidmatan sosial secara percuma.
  - C. Pengagihan kuasa politik yang seimbang antara kaum.
  - D. Menambahkan peluang pekerjaan di sektor perkilangan.
- CLO 3  
C3
29. Antara asas keutuhan hubungan etnik yang boleh dipraktikkan bagi mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini ialah melalui perkongsian...
- i. harta.
  - ii. budaya.
  - iii. kuasa politik.
  - iv. faedah ekonomi.
- A. i dan ii.
  - B. i, ii dan iii.
  - C. i, iii dan iv.
  - D. ii, iii dan iv.
- CLO 3  
C3
30. Pernyataan berikut merupakan pengajaran penting daripada peristiwa 13 Mei 1969 yang bertujuan untuk memelihara keharmonian hubungan etnik di Malaysia, **KECUALI ...**
- A. mematuhi Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara.
  - B. kepentingan hidup bersama dalam pelbagai lapangan kehidupan.
  - C. meneruskan kewujudan sistem pendidikan berdasarkan etnik.
  - D. parti politik berbentuk perkauman seharusnya dihapuskan.

**BAHAGIAN B : 20 MARKAH****ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan berstruktur. Jawab semua soalan.

**SOALAN 1**

*“Salah satu definisi politik menurut perspektif Islam ialah usaha mengurus kehidupan manusia selari dengan peraturan agama”.*

- CLO 4  
C2 (a) Berdasarkan maklumat tersebut, jelaskan **DUA (2)** matlamat pembangunan politik menurut Islam.

[4 markah]

- CLO 4  
C3 (b) Jelaskan **DUA (2)** pendekatan Islam bagi menangani konflik hubungan etnik di Malaysia?

[4 markah]

- CLO 4  
C4 (c) Huraikan **EMPAT (4)** kesan pendekatan politik Islam terhadap perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

[12 markah]

**BAHAGIAN C : 20 MARKAH****ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan esei. Jawab semua soalan.

**SOALAN 1**

CLO 4  
C4

Pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar demi membina keharmonian, kestabilan dan perpaduan antara kaum di Malaysia.

Terangkan bagaimana dasar-dasar berikut berperanan bagi menghadapi `cabaran kepelbagaian etnik di Malaysia.

- a) Rukun Negara.
- b) Wawasan 2020.
- c) Dasar Ekonomi Baru.
- d) Dasar Pendidikan Negara.

[20 markah]

**SOALAN TAMAT**